

UBAT NYAMUK ORGANIK



Falt Hasan

MERLIMAU – Musibah banjir di Kilang Berapi dua tahun lalu menjadi pencetus kepada sekumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Abdul Rahman Ya'akub (SDARY) untuk meningkatkan kesedaran membanteras nyamuk Aedes.

Berikutan itu, ilham untuk menginovasikan pokok Jeremin atau nama saintifiknya *Pelargonium radula* bagi menghasilkan lilin dan sabun sebagai bahan penghalau nyamuk tercetus.

Malah lebih membanggakan inovasi itu turut melayakkan mereka mewakili Negeri Melaka ke peringkat kebangsaan.

Guru pembimbing, Nurul Asyiqin Hamdan berkata, inovasi itu merupakan idea pelajarannya selepas berjaya menyertai

beberapa siri pameran selain mengagihkan 300 anak pokok Jeremin bagi memberi pendedahan kepada masyarakat.

"Pokok ini perlu penjagaan yang rapi, tidak boleh terlalu terdedah kepada cahaya matahari atau terlalu redup, jadi penjagaannya agak cerewet.

"Kami mengekstrak pokok Jeremin menggunakan kemudahan ada di makmal sekolah dan diolah kepada sabun dan lilin yang berfungsi untuk menghalau nyamuk," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Sementara itu, ketua pelajar menghasilkan inovasi itu, Nur Izzaty Qamarina Ahmad berkata, proses penyulingan lebih kurang empat jam dilakukan bagi menghasilkan ekstrak Jeremin.

Katanya, sabun dan lilin dihasilkan merupakan produk organik yang meng-

gunakan bahan semula jadi.

"Kebiasannya ubat penghalau nyamuk yang digunakan sangat berbahaya disebabkan asapnya boleh memberi kesan kepada paru-paru jadi kita cuba cari idea macam mana untuk atasi perkara ini agar selamat digunakan dalam rumah.

"Penanaman pokok Jeremin dalam kalangan masyarakat amat rendah sebab ramai yang tidak kenal dan mengetahui bahawa pokok ini boleh menghalau nyamuk.

"Atas dasar mahu memberi kesedaran kepada komuniti kami sanggup memesan pokok ini dari Cameron Highland, Pahang untuk diagihkan secara percuma kepada orang ramai," katanya.

Atas inisiatif dilakukan itu, Pengetua SDARY, Baharin Selamat berkata, empat pelajar termasuk dua orang guru akan me-

wakili Melaka ke Pertandingan Toyota Eco Youth 2023/24 di Putrajaya pada 21 hingga 23 Januari ini.

Ia sekali gus menyumbang kepada pencapaian tertinggi bagi sekolah luar bandar itu dalam membawa nama negeri di peringkat kebangsaan.

"Alhamdulillah sekolah ini akan berentap dengan 46 buah sekolah seluruh Malaysia dalam pertandingan yang dianjurkan UTiW Toyota Motor bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan juaranya akan membawa pulang RM30,000.

"Kita berharap inovasi yang dibawa anak jati Merlimau ini mampu membawa nama Melaka ke peringkat yang lebih tinggi dan membuktikan bahawa sekolah luar bandar mampu bersaing dengan sekolah lain di negara ini," katanya.



POKOK Jeremin.



USAHA mendedahkan khasiat pokok Jeremin akan diperluaskan dalam membantu mengurangkan penularan demam denggi.



INOVASI lilin organik yang dicipta sekumpulan pelajar SDARY menggunakan ekstrak pokok Jeremin mampu menjadi bahan penghalau nyamuk yang selamat.